

24/02/1997

Bekas ahli S46 bebas bertanding

MELAKA, Ahad - Semua bekas ahli Parti Semangat 46 yang menyertai Umno bebas bertanding apa juga jawatan di peringkat cawangan, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurutnya, tidak timbul masalah untuk mereka bertanding pelbagai jawatan di peringkat cawangan kerana ahli terbabit sudah disahkan sebagai ahli Umno.

Justeru, katanya, hak mereka sama dengan ahli Umno lain sama ada untuk bertanding atau sebagai pengundi.

"Malah, jika mahu, mereka boleh bertanding jawatan ketua cawangan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat dengan Ketua Cawangan Umno dari seluruh negeri di Auditorium Masjid Al-Azim, di sini, petang ini.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan bekas ahli parti yang dibubarkan itu bertanding beberapa jawatan penting di peringkat cawangan seluruh negara.

Turut hadir Setiausaha Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Ketua Menteri merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani dan Timbalan Pengerusinya merangkap Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Kira-kira 10,603 orang bekas ahli S46 sudah mendaftar sebagai ahli Umno manakala permohonan kira-kira 121,000 orang lagi sedang diproses oleh beberapa bahagian Umno untuk mengenal pasti cawangan mana yang patut mereka mendaftar.

Majlis Tertinggi Umno menetapkan 1 April hingga 15 Mei depan sebagai tarikh pemilihan di peringkat cawangan.

Sehubungan itu, beliau meminta bekas ahli S46 yang sudah menyertai Umno tidak dianggap berlainan daripada ahli Umno lain.

"Ini sesuatu yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu melihat ada pihak yang mengklasifikasikan mereka sebagai bekas ahli S46.

"Sebenarnya, mereka semuanya sudah sah sebagai ahli Umno sejak menyertai Umno secara beramai-ramai, Oktober tahun lalu," katanya.

Mengenai majlis taklimat membabitkan wakil 274 cawangan itu, Sabbaruddin berkata, meminta semua Badan Perhubungan Negeri mengadakan majlis seumpama itu dengan kepimpinan parti peringkat Pusat untuk mengelak timbul masalah ketika pemilihan peringkat cawangan kelak.

Menurutnya, majlis taklimat seperti dianjurkan Badan Perhubungan Melaka secara tidak langsung membantu setiap ketua cawangan dan setiausaha mendapatkan maklumat sebenar apa yang perlu dilakukan ketika pemilihan nanti.

(END)